

DBKL bakal tunda kereta buruk, tersadai

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan memulakan operasi penguatkuasaan bagi menunda kereta buruk dan tersadai di Perumahan Awam (PA) serta Projek Perumahan Rakyat (PPR) sebagai langkah mengatasi masalah kekurangan parkir.

Pengarah Eksekutif Pembangunan Sosio-Ekonomi DBKL, Ismadi Sakirin berkata, depoh penyimpanan terbaharu di Pantai Dalam dapat menampung kemudahan di lokasi sedia ada iaitu di Depoh Simpanan Tunda Kenderaan DBKL.

Menurutnya, inisiatif itu sebahagian daripada tindakan pihak berkuasa tempatan (PBT) terbabit bagi menyelesaikan isu parkir tidak mencukupi di kawasan perumahan itu.

“Masalah kereta buruk tersadai ini satu lagi berpunca daripada sikap pen-

duduk di mana kadang kala apabila saya turun kadang tengok ada (kereta sudah) tinggal rangka.

“Kita akui memang salah satu faktornya kereta buruk tersadai tidak dapat diangkut kerana depoh penyimpanan terhad, tetapi satu tapak baharu di Pantai Dalam akan siap, Insya-Allah kita beroperasi selepas Aidilfitri ini.

“Sebaik beroperasi kelak, kita akan kuat kuasakan. Jadi ini salah satu cara yang kita akan tangani bagi mengurangkan masalah parkir,” katanya.

Katanya, pihaknya tiada perancangan untuk menambah jumlah parkir bertingkat sedia ada.

“Selain perlu mengamibil kira kos dan kesesuaian tapak, kita tidak tambah parkir bertingkat kerana melihat kurang sambutan dengan kadar penggunaan hanya mencapai 40 hingga 60 peratus saja,” katanya.